



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	22/5/2019	MUKA SURAT	:	50
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Burung kuang raya tarikan baharu

IPOH 21 Mei - Tiga pasang burung kuang raya atau nama saintifiknya *Great Argus* menjadi tarikan terbaharu kepada pengunjung yang datang ke Lost World of Tambun (LWOT).

Pengurus Besar LWOT, Nurul Nuzairi Mohd. Azahari berkata, kesemua enam ekor burung kuang raya itu diperoleh menerusi program konservasi dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Katanya, dengan adanya pusat konservasi itu, pengunjung yang datang ke taman tema berkenaan boleh melihat dengan lebih dekat keunikan burung tersebut yang terkenal dengan keindahan bulunya.

"Program ini merupakan usaha LWOT dalam memperkenalkan spesies haiwan tempatan iaitu burung kuang raya yang mungkin tidak dikenali oleh kebanyakan daripada kita.

"Malah menerusi program konservasi ini, kita dapat sama-sama membantu Jabatan Perhilitan membiakkan hidupan dalam spesies terancam ini sebelum dilepaskan semula ke habitat asalnya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian Pusat Kon-



DR. ABDUL KADIR ABU HASHIM menandatangani plak perasmian Pusat Konservasi Kuang Raya di Lost World of Tambun di Ipoh, Perak, semalam.

servasi Kuang Raya di LWOT yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Dr. Abdul Kadir Abu Hashim di sini, semalam.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata, bilangan burung kuang raya turut menghadapi masalah sama seperti spesies terancam lain apabila bilangannya semakin berkurang.

Menurut beliau, sekiranya

tiada sebarang tindakan diambil, burung berkenaan kemungkinan akan mengalami kepupusan disebabkan pelbagai faktor termasuk aktiviti pemburuan.

"Sekiranya usaha bersama LWOT ini berjaya, kita akan bekerjasama lagi dengan mereka untuk memperkenalkan spesies burung Kuang lain pada masa akan datang," katanya.